

KEMATANGAN POLITIK DALAM KALANGAN BELIA DI MALAYSIA

Nor Azlina Endut
norazlina@kuis.edu.my

Rohaini Amin
rohaini@kuis.edu.my

Rosfazila Abd. Rahman
rosfazila@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kesinambungan kejayaan dan kemakmuran sesebuah negara pada masa kini bergantung kepada aset penting yang dimiliki negara iaitu golongan belia. Manakala kematangan politik belia merupakan salah satu penanda aras kepada keharmonian dan perpaduan di seluruh pelusuk dunia termasuk Malaysia dan antara cabaran politik yang perlu terus diberikan perhatian bagi menjamin kestabilan negara yang bertunjangkan masyarakat majmuk. Analisa yang telah dikaji mendapati kematangan belia dalam politik amat penting supaya golongan belia dapat menilai dan mengurus isu-isu nasional secara lebih terdidik. Golongan belia atau politikus muda yang dikatakan memiliki latar belakang pendidikan yang tinggi, tetapi bercakap di luar konteks kewarasan, memperbodohkan diri dengan kenyataan yang tidak masuk akal, selain menyerlahkan kepentingan peribadi mengatasi kepentingan terhadap negara. Justeru, puncak kepada integrasi rakyat terutamanya golongan belia adalah mempunyai kefahaman yang jitu dalam ilmu berbentuk politik sebelum menyertai lapangan politik secara aktif seperti penglibatan dalam pilihan raya atau penyertaan dalam parti politik.

Kata kunci: *Belia, kematangan politik, literasi politik, pendidikan politik.*

Pengenalan

Mutakhir ini keprihatinan dan penglibatan golongan belia dalam perkembangan politik di sesebuah negara semakin meluas, terbuka dan dinamik. Perubahan naratif ini sejajar dengan kemajuan teknologi, proses pendemokrasian moden, pola globalisasi dan aliran pergerakan manusia tanpa batas yang nyata. Perubahan tersebut bukan sahaja mendorong pegembangan ilmu yang rentas sempadan tetapi turut melibatkan perkongsian informasi secara berleluasa. Generasi belia Malaysia juga tidak terlepas dari arus kontemporari yang pesat melanda dunia kini.

Kajian Moten (2011), Saad dan Salman (2013) membuktikan berlaku peningkatan penglibatan politik masyarakat dari tahap yang dahulunya sederhana ke tahap yang lebih tinggi. Perkembangan ini juga mempunyai perkaitan yang signifikan dengan peningkatan kesedaran masyarakat dan pegembangan literasi politik terutamanya dalam kalangan belia. Walaupun mereka boleh dikatakan masih baru dan mentah dalam mempelajari, memahami serta menghadam fenomena politik dalam negara maupun luar negara, akan tetapi ini adalah suatu perkembangan yang cukup baik kepada masa hadapan negara.

Penyertaan dan penglibatan aktif golongan belia dalam masyarakat dan amalan demokrasi adalah sangat penting sebagai tindak balas terhadap usaha memenuhi keperluan dan jaminan bahawa hak asasi mereka diktiraf dan dikuatkuaskan (United Nation 2012). Penglibatan ini menawarkan keupayaan mereka untuk bercakap bagi pihak golongan belia yang lain dan melakukannya dalam cara yang boleh diterima dan memberikan kelebihan kepada mereka. World Assembly of Youth (2015) melalui laporan “*Youth Participation In Decision Making*” mendapatkan bahawa penyertaan belia membawa kepada keputusan dan hasil yang lebih baik. Penyertaan dan kepimpinan belia bermakna golongan belia dan organisasi yang dipimpin mempunyai peluang, kapasiti dan mendapat manfaat daripada persekitaran yang diperlukan dan program berasaskan tujuan serta polisi di semua peringkat. Penyertaan aktif belia dalam membuat keputusan dan tindakan yang diambil di peringkat tempatan dan rantaian seterusnya adalah asas penting jika kita mahu membina sebuah masyarakat yang menyeluruh dan lebih demokratik (Mohd Uzaini & Suhana, 2018).

Peringkat umur belia merupakan peringkat umur perubahan dari seorang yang bergantung (*dependent*) kepada seorang untuk berfikir dan bertindak kepada seorang yang bebas (*independent*). Belia juga merupakan peringkat di mana seseorang itu mula menghadapi cabaran yang memaksa ia membuat keputusan tentang kehidupannya. Peringkat umur belia dipenuhi dengan berbagai cabaran yang mengkehendaki setiap belia untuk bertindak. Dengan tenaga, keperluan dan harapan (*expectation*) yang tinggi maka belia boleh mengubah bukan sahaja kehidupannya sendiri tetapi juga masyarakat dan persekitarannya. Jumlah warga muda penduduk dunia yang boleh dianggap belia adalah 18 peratus (Junaidi et.al, 2010).

Kematangan Politik

Kematangan bermaksud kesempurnaan fikiran (pengalaman atau lain-lain) dan tindak-tanduknya memperlihatkan/cara berfikirnya. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Secara umum kematangan bermaksud kedewasaan pemikiran seseorang dan cara memberi tindakbalas kepada suasana sekeliling yang menunjukkan kematangan seseorang. Kematangan politik individu belia turut

dikaitkan dengan kadar literasi politik yang dimilikinya. Istilah kematangan politik juga boleh dihubungkan dengan sikap politik (*political attitude*) dan perilaku politik (*political behaviour*) seseorang (Dzuhalimi, 2019). Maka boleh disimpulkan kematangan politik bermaksud kedewasaan pemikiran seseorang terhadap politik di mana kematangan politik seseorang terzahir serta boleh dinilai melalui pandangan atau tindakan yang diluahkannya mengenai isu politik khususnya atau kenegaraan amnya, selain kesediaan menerima kritikan dari pihak lain dalam keadaan emosi yang stabil. Asasnya ialah bagaimana seseorang itu mengurus perbezaan melalui nilai peradaban yang tinggi.

Belia

Definisi belia adalah merujuk kepada individu yang berumur antara 15-40 tahun yang mengambil kira skop di Malaysia. Walau bagaimanapun, umur ini adalah berbeza di pelbagai negara iaitu mengikut takrifan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi belia ialah antara 15-24 tahun manakala menurut Kesatuan Negara-Negara Bekas Jajahan British atau Commonwealth pula antara 16-24 tahun. Menurut Azizan Bahari (1995) menjelaskan definisi sekarang yang menyatakan lingkungan umur antara 15 hingga 40 tahun sebagai belia itu adalah luas dan tidak sesuai lagi bagi masyarakat Malaysia pada hari ini yang pantas berkembang dengan pelbagai aktiviti dalam hidup sehari-hari. Malah, DPBN 1997 disemak kembali melalui beberapa peringkat antaranya, pada 5 November 2014 Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia, 17 November 2014 Majlis Perundingan Belia Negara, 27 Januari 2015 Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara dan 21 April 2015 Mesyuarat Jemaah Menteri. Akhirnya, pada Oktober 2015 dikuatkuasakan kepada segala bentuk perancangan belia Malaysia. Dalam hal ini, umur belia bukan lagi antara 15 hingga 40 tahun, sebaliknya kepada umur 15 hingga sebelum berumur 30 tahun (>15 hingga < 30) (Kementerian Belia dan Sukan, 2015).

Namun, tafsiran umur belia tersebut telah ditakrifkan semula kepada kategori umur antara 15 hingga 30 tahun yang akan berkuatkuasa pada 31 Disember 2021. Takrifan baru telah diluluskan oleh Dewan Rakyat melalui Rang Undang-Undang (RUU) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 (Akta 668) (Astro Awani 2019). Kumpulan umur belia tersebut boleh dikategorikan kepada dua iaitu kumpulan yang berumur antara 15 hingga 25 tahun dan kumpulan yang berumur 25 ke atas. Kumpulan yang berumur 15 hingga 25 tahun rata-ratanya masih di peringkat pembelajaran pada tahap yang berbeza-beza. Berbanding dengan kumpulan belia yang berumur 25 tahun ke atas kebanyakannya sudah ramai yang telah memasuki alam pekerjaan (Mohd Mahadee et.al, 2020).

Biasanya, individu yang berusia lebih daripada 30 tahun sudah berkeluarga manakala mereka yang berusia lebih daripada 35 tahun, meletakkan kerjaya di samping masa depan keluarga sebagai fokus hidup. Dalam buku Pembentukan Generasi Belia Selangor 2005: Satu Pengamatan, belia ditakrif berdasarkan peringkat umur dari 15 hingga 40 tahun. Julat umur di antara dua umur ini agak tinggi bagi memasukkan mereka dalam program pembangunan yang sama (Mohd Ismail 2005). Dalam aspek politik, golongan muda merupakan lingkungan umur 21 tahun hingga 40 tahun. Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun adalah layak sebagai pengundi. Belia seringkali dianggap sebagai aset dan pewaris negara yang akan memainkan peranan penting untuk mencorakkan bentuk, nilai dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara pada masa akan datang.

Menerusi peningkatan arus kemodenan yang dirasai di seluruh negara, ia secara langsung memberikan impak besar kepada meningkatnya tahap literasi politik atau celik politik dalam kalangan masyarakat khususnya orang muda. Berbanding dengan golongan yang lebih berumur yang seringkali dilihat mengamalkan ‘politik lama’ seperti tidak berani berubah dan mengenang jasa, golongan muda/belia pula dilihat sebaliknya. Mereka dilihat lebih bersifat ‘anti establishment’ dan dalam konteks negara ini, kumpulan tersebut adalah pembangkang. Dalam konteks dinamika politik hari ini mereka dilihat yakin bahawa undian mereka terhadap sesuatu parti politik akan memenuhi harapan dan dapat menyediakan masa depan yang cerah untuk mereka. Kesedaran meluas terhadap politik juga mampu menjadikan seseorang belia lebih kritikal. Perkara ini masih boleh diperhatikan di mana terdapat segelintir pemimpin belia atau individu belia di negara ini yang berupaya menonjolkan diri mereka sebagai seorang yang berkualiter dan dihormati.

Bagi pengundi belia, pemilihan seseorang calon wakil rakyat bukan hanya bergantung kepada faktor personaliti semata-mata, tetapi lebih melebar kepada soal latar belakang calon dan juga parti yang mereka wakili. Selain itu, trend pengundian belia juga banyak dipengaruhi soal yang berkait rapat dengan kepentingan mereka. Antaranya seperti soal kenaikan kos yang membebankan kehidupan harian, peluang pekerjaan, rumah mampu milik serta peluang pekerjaan yang kian terhad ditawarkan yang pada pandangan mereka memerlukan penyelesaian segera. Pengundi belia kini lebih matang dan lantang bersuara mengenai isu yang dihadapi mereka selain sukar untuk terpengaruh dengan sentimen politik perkauman (Yazid et.al, 2020).

Pendidikan Politik

Menurut “*Theory of Citizenship Education*” oleh Benard Crick, rakyat perlu mempunyai peluang pendidikan politik supaya menjadi warganegara yang baik dalam sebuah negara (McCowan, 2006). Malaysia membuktikan akan kepentingan literasi politik dengan memastikan rakyat berpeluang mendapatkan pendidikan politik di negara ini. Berdasarkan disiplin Sains Politik, pendidikan politik secara mudahnya ditakrifkan sebagai pembinaan keupayaan seorang warga untuk terlibat dalam proses membuat keputusan pada tingkat yang berbeza, baik dalam politik formal maupun tidak formal. Ia termasuk pemahaman bagaimana kerajaan berfungsi dan isu-isu penting yang dihadapi oleh masyarakat, serta kemahiran berfikir kritis untuk menilai pandangan yang berbeza. Maka, pendidikan politik ini seringkali ditindan-tindih dengan pendidikan sivik, pendidikan kenegaraan, pendidikan moral serta pemikiran kritis. Ada juga yang menyatakan bahawa pendidikan sejarah serta kajian tempatan juga sebahagian daripada pendidikan politik.

Banyak pengkaji meletakkan matlamat pendidikan itu sendiri, selain daripada menyediakan pelajar untuk menyertai dunia pekerjaan, juga memiliki fungsi politik iaitu membentuk warga yang bertanggungjawab – sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang dengan jelas menyatakan:

“Dan bahwasanya pendidikan mempunyai peranan penting dalam menjayakan wawasan negara demi untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dan segi kemajuan ekonomi, keadilan sosial, dan kekuatan rohani, moral dan etika, ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik.”

Menurut Sheikh ‘Umar (2019), pendidikan politik dalam kalangan belia bukanlah dengan menghafal sejarah parti politik atau pemimpin-pemimpinnya (walaupun sedikit sebanyak ini yang dilakukan sebelum ini) tetapi adalah untuk membina kemahiran berfikir serta mengartikulasikan idea mereka. Pendidikan politik juga bertujuan untuk mendidik belia dengan semangat demokrasi, merayakan kemajmukan pandangan, menghargai perbezaan serta menghormati keluhuran Perlembagaan. Pendidikan politik tidak harus menjurus belia untuk menyanjung atau memuja mana-mana parti mahupun pemimpin tertentu tetapi pada masa sama masih berlaku adil terhadap sumbangan serta bakti mereka. Malah, matlamat pendidikan politik adalah untuk membebaskan rasa kebergantungan (*dependency*) ini yang merupakan saki baki nilai neo-feudalisme yang masih melekat dalam diri kita.

Pendidikan politik juga harus menekankan penggunaan rasional dalam menimbang hujah serta pandangan. Hanya dengan ini, para belia dapat membezakan antara retorik dan logik. Mereka juga mesti memahami aspirasi negara (bukan parti pemerintah) contohnya melalui pengertian Rukun Negara (yang kadang-kala pada kita hanyalah hafalan mantera semasa perhimpunan mingguan di sekolah). Secara ringkasnya, pendidikan politik inilah yang bakal menghasilkan warga yang matang ataupun dalam disiplin Sains Politik sering dirujuk sebagai kecelikan politik (*political literacy*). Oleh itu, pendidikan politik di sekolah tidak semestinya dengan memperkenalkan mata pelajaran yang baharu akan tetapi ia boleh sahaja dengan memantapkan mata pelajaran yang sedia ada kerana fokus yang paling penting adalah melahirkan belia/bakal pengundi/warganegara yang matang dalam berpolitik.

Tidak dinafikan, sistem pendidikan formal penting bagi melahirkan kematangan politik belia negara, namun kematangan politik merupakan satu nilai peradaban yang tinggi dan tidak mungkin boleh dicapai menerusi sistem pendidikan formal semata-mata. Pemerksaan peranan belia dalam soal-soal kemasyarakatan dan kesukarelawanan komuniti sejak bangku sekolah seharusnya tersirat dalam agenda pendidikan nasional bagi membolehkan golongan ini dapat menerapkan pemahaman mereka terhadap keperluan masyarakat setempat dan kepentingan perjuangan budaya politik mengikut acuan citra negara yang positif. Organisasi-organisasi belia seperti Majlis Belia dan persatuan-persatuan belia perlu mengembangkan usaha untuk mendidik dan memimpin golongan belia dalam hal-hal kenegaraan dengan lebih menyeluruh seperti mengadakan kempen-kempen pendidikan kenegaraan terancang dan aktiviti-aktiviti yang boleh membina semangat patriotisme dalam kalangan golongan ini. Belia harus didedahkan dengan ilmu berorganisasi, berpersatuan dan mengenali sifat parti-parti politik sebagai satu kaedah mematangkan fikiran mereka.

Oleh sebab itu, sosialisasi belia dalam masyarakat arus perdana merupakan pelengkap kepada sistem pendidikan formal sedia ada bagi menghasilkan kematangan politik generasi belia negara. Sosialisasi memberi ruang kepada seseorang mendalami norma-norma kehidupan persekitaran sehingga berkembang menjadi satu peribadi yang unik. Malah, ia merupakan pengalaman sosial sepanjang hayat di mana seseorang membangunkan potensi mereka serta mempelajari corak budaya. Dalam konteks demokrasi, sosialisasi politik ke arah mematangkan belia dalam politik memerlukan budaya politik yang sihat dan dibentuk dalam institusi sosial seperti keluarga, parti politik, masyarakat, agama dan pendidikan.

Justeru, sosialisasi politik menjadi satu instrumen penting dalam memastikan literasi politik terlaksana. Kajian-kajian lepas menunjukkan dapatan berkaitan dengan pola politik sesuatu tempat

adalah bergantung kepada sejauhmana persepsi, kefahaman dan partisipasi seseorang individu itu. Ini dinyatakan oleh Rush dan Althoff (1971) bahawa pola politik ditentukan oleh sosialisasi politik. Dengan itu, sosialisasi politik pula terdiri dalam lingkungan sosial, ekonomi dan kebudayaan selain dari interaksi pengalaman harian. Model Sosialisasi Politik oleh Rush dan Althoff turut menyenaraikan persepsi (imitasi), perihal kefahaman (intruksi) dan motivasi sebagai elemen dalam sosialisasi politik. Kajian ini disokong oleh Almond (1960) yang menegaskan bahawa gambaran mengenai pola politik bukan sekadar melibatkan persepsi semata-mata tetapi lebih mendalam lagi memastikan pemerhatian turut diberi kepada kualiti dan faktor keutuhan atau bertahannya sesebuah institusi politik atau jatuhnya sesebuah kuasa politik.

Literasi politik merupakan isu utama yang membawa kepada permasalahan sehingga kini. Akibat daripada kurang pemahaman dan bergantung dengan persepsi dan politik ikut-ikutan, rakyat akan melalui proses politik negara dengan penuh kesamaran dan mengakibatkan penyertaan atau partisipasi dalam politik secara songsang dan lebih memburukkan lagi terdapat jumlah peratusan yang besar memilih untuk tidak terlibat dalam politik termasuklah pengundian pilihan raya. Shamsul (2013) menyokong pendapat di atas dengan membuktikan bahawa menerusi kajian beliau mengenai kedudukan literasi politik di Malaysia menunjukkan bahawa peratusan rakyat yang celik politik berada di paras rendah. Jaminan kepada kesetiaan rakyat dan sifat patriotisme adalah melalui sistem politik yang telus dan dinamik. Literasi politik adalah suatu matlamat penting bagi menentukan kesetiaan rakyat. Ini kerana dengan celiknya seseorang akan isu, proses dan kepentingan politik, rakyat akan berusaha untuk memastikan mereka melibatkan diri dalam politik yang telus dan bersih.

Kematangan Politik dan Pengaruh Media Sosial

Perkembangan mutakhir politik hari ini yang bersifat semakin terbuka dilihat mempunyai perkaitan langsung dengan peranan dan pengaruh media sosial sebagai medium perantara penyebaran maklumat dan perkongsian informasi. Media sosial telah menular masuk dan menjadi agen penting penyebar maklumat dalam senario politik Malaysia bukan sahaja membawa implikasi terhadap pengekalan status quo (Ali Salman & Mohd Safar 2011) tetapi turut mempengaruhi bentuk pemikiran politik yang lebih kritis dan matang serta percambahan idea yang lebih meluas. Media sosial juga menjadi medium baru dalam memandu ke arah wujudnya transisi demokrasi, pembentuk kesedaran sivik dan arena cetusan idea masyarakat (Norazleen et. al 2011). Masyarakat umumnya termasuk golongan belia terpelajar turut menggunakan media sosial ini sebagai medium perbincangan dan perbahasan isu-isu semasa yang wujud di arena politik negara. Lahirnya budaya politik baru ini adalah suatu mekanisme kelestarian masyarakat sivil yang terus mendaulatkan demokrasi sebagai cara hidup berpolitik (Lipset & Lakin, 2004; Zaini, 2008). Senario ini juga menjadi pemangkin kepada kelestarian perkembangan politik di Malaysia.

Dalam era pembacaan digital, pencarian maklumat dan berita berkaitan politik secara dalam talian menjadi aktiviti biasa kepada rakyat terutamanya golongan belia. Kebanyakan belia pada hari ini mempunyai peralatan telekomunikasi seperti telefon pintar untuk membuat capaian internet bagi mendapat maklumat pada bila-bila masa dan di manamana sahaja. Namun begitu, penggunaan internet sebagai platform untuk mendapat maklumat memberi implikasi dalam aktiviti pencarian dan penyebaran maklumat (Abdul Rahman Shaik, 2009) kerana kredibiliti maklumat yang mungkin diperoleh daripada sumber yang meragukan.

Menurut Junaidi et al. (2012), senario politik yang memerlukan maklumat yang cepat, dan juga kelemahan media tradisional sebagai penyampai maklumat menyebabkan rakyat mula beralih kepada medium komunikasi yang baru iaitu internet dan media digital. Tambahan lagi, peningkatan pertumbuhan internet dan perkembangan pelbagai media sosial telah mentransformasi kepantasaran pencarian dan penyampaian maklumat turut mendorong orang ramai untuk menggunakananya. Media sosial telah menjadi salah satu platform utama untuk rakyat mendapat maklumat yang berkaitan dengan politik sesebuah negara termasuk Malaysia. Selain itu, internet dan media sosial juga turut membuka ruang yang baru dalam pendemokrasian capaian dan penyaluran maklumat yang berkaitan dengan politik. Teknologi komunikasi sebegini bukan sahaja memberi peluang untuk mencapai maklumat tetapi juga memberikan ruang interaksi yang lebih interaktif dalam komunikasi politik (Schulz, Web & Quiring, 2005).

Dengan adanya media sosial, ia secara tidak langsung telah berjaya mencipta satu paradigma yang baru dalam penglibatan politik. Hal ini jelas kerana media sosial telah membuka satu ruang yang baru untuk belia berinteraksi dan bertukar pandangan dengan para pemimpin sama ada berkenaan isu politik mahupun isu-isu semasa. Selain itu, para pemimpin juga dapat mendekati serta menyelami masalah-masalah yang dihadapi belia sekaligus berusaha mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang dibangkitkan.

Penutup

Generasi muda atau belia merupakan golongan atau kelompok yang terbesar dalam masyarakat kita hari ini yang mempunyai ciri-ciri tingkah laku dan budaya yang tertentu. Kepimpinan negara pada masa hadapan adalah bergantung kepada golongan muda pada masa kini. Mereka ini adalah merupakan golongan yang akan menentukan jatuh atau bangunnya parti politik dan pimpinan di negara ini. Maka, kematangan politik, penglibatan dan penyertaan mereka dalam politik amat diperlukan. Kita harus percaya bahawa sistem dan budaya merupakan titik tolak utama untuk menjadikan warganegara Malaysia lebih matang dan sejahtera. Pendidikan politik melalui parti atau ahli politik bukanlah suatu hal yang tidak baik kerana mendidik juga merupakan salah satu tanggungjawab parti dan ahli politik. Tetapi kita harus berani berprinsip, rasional dan tidak berat sebelah.

Rujukan

- Alam, G.M. (2003). *The Impact of Students' Involvement in Party Politics on Higher Education in National Development in Bangladesh*. Missouri, USA: The International University Press.
- Azizan Bahari. (1995). *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Carol A. Cassel & Celia C. Lo, (1997) *Theories of Political Literacy: Political Behavior*. USA: Springer.
- Howard, P. N. & Park, M. R. (2012). *Social Media and Political Change: Capacity, Constraint and Consequence*. *Journal of Communication*, 62 (2), 359-362.
- Joseph, S. (2012). *Social Media, Political Change and Human Rights*. *Boston College International & Comparative Law Review*, 35 (1), 145-188.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir, Novel Lyndon, Rosmadi Fauzi & Yahaya Ibrahim. (2012). Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu* Jil. 9: 191-214.
- Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Abdul Halim Sidek & Khaidzir Hj. Ismail. (2009). Minat, Aspirasi dan Sokongan Politik Belia IPT Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 1(6): 99-116.
- Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Nor Azlili Hassan dan Mohd Sabri Md Nor. (2020). Perkembangan Politik Era Malaysia Baharu: Pandangan Eksklusif Belia Terpelajar. *Akademika* 90(Isu Khas 1/Special Issue): 161- 174.
- Mohd Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad. (2018). Perlaksanaan dan Cabaran Penglibatan Belia dalam Parlimen Belia Malaysia. *E-Bangi*. Vol. 13, No. 1: 1-17
- Mondak, J.J., Halperin, K.D. (2008). A Framework for the Study of Personality and Political Behaviour. *British Journal of Political Science*. 38(2): 335-362.
- Siti Shariyah Shaari, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2007). Analisis Keberkesanan Subjek Hubungan Etnik sebagai pencetus literasi politik: Kajian ke atas Mahasiswa UNIKL MIIT. *E-Bangi*. Special Issue 2 (2017): 26-33.
- Tristan M. C. (2006). Approaching the Political in Citizenship Education: The Perspectives of Paulo Friere and Benard Crick. *Educate*. 6(1) 2006: 57-70. Diambil dari <http://www.educatejournal.org/>
- Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi, Samsudin Suhaili.2020. Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 16 issue 1. 80-94.